

22 FEB 2001

DUNIA-KONGRES

KONGRES PEMBANGUNAN EKONOMI DUNIA DI PWTC JUN INI

oleh: Mohd Kamel Othman

KUALA LUMPUR, 22 Feb (Bernama) -- Beberapa pemimpin perniagaan dan terkemuka dunia akan berkumpul di ibunegara pada bulan Jun ini bagi menghadiri Kongres Pembangunan Ekonomi Dunia yang akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Kongres berkaitan infrastruktur yang akan berlangsung selama tiga hari itu, merupakan yang pertama diadakan di rantau Asia Tenggara. Ia dijangka dihadiri oleh 1,200 pemimpin kerajaan dan perniagaan dari lebih 80 buah negara.

Mereka berada di sini untuk membuat penilaian ke atas arah implikasi masa depan pembangunan ekonomi sejagat serta keperluan infrastruktur dan peluang-peluang yang ditawarkan, demikian menurut pengarah kongres berkenaan Jamal Nasir.

Mereka yang telah mengesahkan penyertaan setakat ini termasuklah Supachai Panitchpakdi, ketua setiausaha Pertubuhan Dagang Dunia yang baru, bekas perdana menteri Britain John Major, bekas presiden Filipina Fidel Ramos, menteri kewangan Afrika Selatan Trevor Manuel, menteri komunikasi dan teknologi maklumat Singapura Yeo Cheow Tong.

Yang lain-lainnya ialah pengerusi Tenaga Nasional Bhd Datuk Dr Jamaluddin Jarjis, pengerusi eksekutif Perbadanan Kemajuan Multimedia Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah dan Christian Wallich, pengarah industri, tenaga dan infastruktur Bank Pembangunan Asia.

Kongres itu yang akan diadakan seiring dengan pameran berkaitan teknologi infrastruktur untuk sektor-sektor tenaga, IT, telekomunikasi, pengangkutan dan air akan bermula dari 27 Jun hingga 29 Jun.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah dijemput untuk merasmikan kongres berkenaan. Turut dijemput untuk menyampaikan ucaptama ialah Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin.

Jamal memberitahu Bernama yang forum itu akan memberi tumpuan kepada pakatan strategik di samping mengadakan strategi-strategi ke arah penggunaan modal pelaburan antarabangsa, teknologi dan kepakaran.

Kongres itu akan turut menyediakan peluang kepada pengurusan atasan dari Malaysia dan rantau ini mendapat akses dan berhubung dengan pemimpin-pemimpin perniagaan dunia, kata Jamal, yang juga merupakan pengarah urusan EcoEvent Sdn Bhd, syarikat yang telah berjaya membawa kongres itu ke Malaysia.

Sementara itu, pameran yang diadakan pula terbuka kepada semua dan mereka yang berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai kongres ini boleh menghubungi Brett Martin, pengarah perhubungan awam bagi kongres berkenaan di 03-6157-8205 atau 012-2882-566 atau e-mel ecoevent@putra.net.my. -- BERNAMA

MKO SHY AA